**Title : Joget Si Pinang Muda**

**Composer :**

**Lyricist :**

P : Wahai cik abang adik bertanya
Hatimu yang kasih apalah
Tandanya (2X)
Padi pulut padi lembah
Padi kunine dalam peti (2X)
Janji mulut boleh berubah
Janji suci dibawa mati (2X)

L : Mari mari cik adik
P : Mari mari cik abang
L/P : Mari kita berdendang si pinang muda
L : Mari mari cik adik
P : Mari mari cik abang
L : Menarilah
P : Menarilah
L/P : Silah pinang muda hai hai silah
Pinang muda

L : Wahai cik adik abang nak tahu
Apakah ubatnya hatiku yang rindu (2X)
Tinggi sungguh bulan satu (2X)
Kalau adik rasa rindu (2X)
Dalam mimpi kita bertemu (2X)

L : Mari mari cik adik
P : Mari mari cik abang
L/P : Mari kita berdendang sipinang muda
L : Mari mari cik adik
P : Marilah cik abang

L : Menarilah
P : Menarilah
L/P : Silah pinang muda hai hai silah
Pinang muda

P : Wahai cik abang mengapa tak percaya
L : Ambillah pisau nak kubelah dada (2X)
P : Dua tiga kucing berlari (2X)
Mana nak sama si kucing belang (2X)

L : Dua tiga boleh cari (2X)
Mana nak sama dik seorang (2X)